REMAJA HARAPAN NEGARA

Standard Pembelajaran

2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.

Baca petikan rencana dan cerpen di bawah, kemudian nyatakan kosa kata yang sesuai berdasarkan maksud yang diberikan.

Cabaran Remaja

Remaja ialah golongan yang amat mudah dipengaruhi oleh **unsur negatif** kerana sifat semula jadi remaja untuk mencari identiti sendiri, mudah terikut dengan gaya budaya moden, sentiasa diselubungi sifat ingin tahu, ingin mencuba dan berani menghadapi risiko.

Pendidikan sepanjang hayat, ketinggian moral dan **rohaniah** serta kemahiran untuk menghadapi cabaran era baharu pembangunan ialah kekuatan paling penting untuk dimiliki setiap individu, remaja mahupun dewasa. Alam remaja ialah tahap **kritikal** dalam proses perkembangan individu yang penuh dengan pelbagai dugaan **pancaroba**.

Tiba masa bagi setiap masyarakat bekerjasama berganding bahu dalam mencari strategi paling **efisien** untuk menyelesaikan dan mencegah gejala sosial. Usaha bersama ini mengharapkan agar remaja akan berasa bangga dengan kemampuan diri sendiri dengan menjadikan kekuatan dalam diri sebagai benteng untuk menangkis segala dugaan dan cabaran yang boleh merosakkan diri.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Gilap potensi remaja tangani gejala sosial'
oleh Mohammad Rizan Hassan,
Berita Harian Online, 7 November 2019

MUNSYI

Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk **bermastautin** di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang, saya akan hanyut dibawa arus **hendonisme** dan **modenisme** yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi, bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesarkan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun-temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman-berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang **ledakan** perubahan sosial yang boleh meragutjati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelar **globalisasi** dalam menuju arus perdana.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi'
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(a)_____
letupan; pertambahan yang sangat besar

(b)_____
pandangan hidup yang mementingkan keseronokan

(c)_____
batin atau berkaitan dengan roh

(d)_____
pemikiran cara moden

(e)_____
anasir buruk

(f)_____
berkesan; ampuh

(g)_____
menetap; tinggal

(h)_____
dasar terbuka

(i)_____
menunjukkan atau mungkin menimbulkan krisis

(j)_____
keadaan yang kacau atau tidak tentu arah

LIVEWORKSHEETS